



VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyeru dunia agar memelihara “suara dan wajah manusia” di tengah perkembangan pesat kecerdasan buatan (AI) dan teknologi digital sempena Hari Komunikasi Sedunia ke-60 yang akan disambut pada Mei 17, 2026.

Dalam mesej pertamanya bagi Hari Komunikasi Sedunia sebagai pengganti Sto Petrus, Sri Paus Leo XIV menegaskan bahawa teknologi mesti melayani manusia dan tidak boleh menggantikan martabat serta hubungan sesama manusia.

Tema yang dipilih ialah “Preserving Human Voices and Faces” atau “Memelihara Suara dan Wajah Manusia”.

Manusia lebih daripada data

Sri Paus Leo memberi amaran bahawa dunia komunikasi hari ini semakin dipengaruhi oleh algoritma, AI dan sistem digital yang mampu menghasilkan teks, suara dan imej menyerupai manusia.

Walaupun teknologi membawa banyak

manfaat, beliau mengingatkan bahawa komunikasi sejati tidak boleh kehilangan unsur kemanusiaan.

Menurut beliau, wajah dan suara manusia adalah anugerah Tuhan yang mencerminkan identiti dan martabat setiap insan.

Oleh sebab itu, Gereja mengajak masyarakat agar tidak membiarkan teknologi mengahakis kemampuan manusia untuk berfikir, merasakan berempati dan membina hubungan yang tulus.

Sri Paus turut menekankan bahawa cabaran terbesar terhadap kemanusiaan itu sendiri.

Beliau bimbang manusia akhirnya menjadi “pengguna pasif” yang hanya menerima maklumat tanpa kebijaksanaan dan refleksi mendalam.

Suara harapan dalam dunia digital

Bapa Suci turut mengajak umat Katolik agar menjadi “komunikator harapan” di tengah dunia yang semakin dipenuhi kebisingan digital dan budaya permusuhan antara satu sama lain. Menurutnya, komunikasi yang benar bukan sekadar penyampaian maklumat, tetapi keupayaan untuk mendengar, memahami dan

menghormati martabat manusia.

Uskup Roma itu menegaskan bahawa teknologi tidak boleh menggantikan kehadiran manusia yang penuh empati dan belas kasih.

Dalam keluarga, komuniti dan media sosial, umat Kristian dipanggil untuk menggunakan kata-kata yang membina, menyembuhkan dan membawa damai.

Umat Kristian diingatkan bahawa Gereja harus terus hadir dalam dunia digital, bukan untuk mengejar populariti semata-mata, tetapi untuk membawa cahaya Injil kepada mereka yang kesepian, terluka dan kehilangan harapan.

Dalam dunia yang semakin dipengaruhi mesin dan algoritma, beliau menyeru agar manusia tidak kehilangan keupayaan untuk bertemu, berbicara dan mengasihi secara tulus.

Melawan budaya kebencian

Prelatus itu juga menyeru para wartawan, pengamal media, pendidik dan pengguna media sosial supaya menggunakan komunikasi sebagai jalan membina damai, dialog dan harapan. Dunia hari ini, katanya, terlalu mudah

dipenuhi kebencian, penghinaan, berita palsu dan bahasa agresif yang melukai manusia.

Sri Paus mengingatkan bahawa komunikasi Kristian tidak boleh dibina atas kemarahan atau penghinaan, tetapi harus mencerminkan hati Kristus yang penuh kelembutan dan belas kasih.

Wartawan dan pengamal media digalakkan untuk menyampaikan berita dengan jujur dan beretika, manakala pengguna media sosial pula diajak agar lebih berhati-hati sebelum berkongsi maklumat atau memberi komen yang boleh melukai orang lain.

Bapa Suci juga mengingatkan bahawa komunikasi Kristian harus mencerminkan hati Kristus — penuh kebenaran, belas kasih dan kelembutan.

Gereja dipanggil menjadi suara yang membawa harapan kepada dunia yang semakin bisu dan terpecah-belah akibat budaya digital yang tidak berperikemanusiaan.

Hari Komunikasi Sedunia merupakan perayaan tahunan Gereja Katolik yang diasaskan selepas Konsili Vatikan Kedua untuk menggalakkan penggunaan media dan komunikasi secara bertanggungjawab demi kebaikan manusia dan pewartaan Injil. **Media Vatikan**

Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami
untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu,
ditarik ke dalam kehidupan persekutuan
Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap
untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026.
Ajarlah kami untuk mendengar dengan
mendalam, untuk menilai dengan setia,
dan untuk mempercayai ke mana
Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu
empat aspek yang sedang kami

pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami,
agar mereka menjadi tempat cinta,
iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami,
agar kami dapat berkembang dalam
persekutuan, penyertaan, dan saksi yang
penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan,
agar kami dapat menjaga bumi
dengan rasa hormat, tanggungjawab,
dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam
komuniti, agar kami dapat mencari
keadilan, mempromosikan keamanan,
dan berdiri dalam solidariti dengan yang
miskin dan yang terpinggir.

Ketika jalan pastoral lahir
daripada pertimbangan kami, semoga ia
memperkaya dan menguatkan komuniti
iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja,
yang merenungkan Firman-Mu dan
berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk
berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar
dalam Kristus, penuh perhatian
terhadap satu sama lain,
dan terbuka kepada
karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini
membantu kami hidup dengan lebih setia
sebagai satu Gereja Katolik Malaysia,
melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Sepanjang hampir dua ribu tahun sejarah Kristian, hubungan antara agama dan sains tidak selalu berjalan dalam harmoni.

Gereja pernah mengecam Galileo Galilei, manakala para pemikir Zaman Pencerahan pula menganggap iman sebagai sesuatu yang tidak lagi sesuai dengan zaman.

Dalam banyak keadaan, sains dan iman Kristian lebih dilihat sebagai musuh daripada sahabat. Namun syukurilah, keadaan itu semakin berubah.

Hari ini, teologi Kristian bukan sahaja mampu menerima penemuan sains yang sahih, malah berjaya menggabungkannya secara harmoni dalam pemahaman iman Kristian.

Salah satu contoh terbaik ialah pendekatan teologi yang diperkenalkan oleh Pierre Teilhard de Chardin (1881–1955).

Teilhard ialah seorang saintis terkemuka dalam bidang paleontologi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama, beliau juga seorang paderi Yesuit yang memiliki iman mendalam, seorang mistik, serta penulis rohani yang sangat berbakat.

Ketika beliau menjalankan kajian saintifik dan mula menulis karya-karya teologi, konsep evolusi masih ditolak hampir sepenuhnya oleh Gereja-gereja Kristian kerana dianggap bercanggah dengan kisah penciptaan dalam Kitab Kejadian.

Malah, pihak berkuasa Gereja Katolik pernah melarang penerbitan tulisan teologi beliau.

Untuk beberapa dekad, karya-karyanya hanya diedarkan secara tertutup dalam kalangan rakan Yesuitnya.

Tetapi selepas berlangsungnya Konsili Vatikan II dan perubahan sikap budaya serta agama terhadap teori evolusi, tulisan beliau akhirnya dibenarkan diterbitkan, walaupun masih disertakan dengan amaran bahawa pandangannya dianggap belum sepenuhnya selamat dari sudut dogma Gereja.

Apakah sebenarnya cara pandang dunia yang dibawa oleh Teilhard? Bagi saya, ia merupakan salah satu usaha paling agung dalam menyatukan sains dan iman Kristian.

Teilhard mengambil penemuan sains — khususnya teori evolusi — lalu meng-

Sains dan iman Kristian — rakan bukan musuh



gabungkannya dengan visi Kristian tentang sejarah keselamatan.

Hasilnya ialah satu cara pemikiran yang membantu manusia memahami dengan lebih mendalam hubungan antara sains, iman, dan tempat Kristus dalam sejarah manusia.

Secara ringkas, beliau menyatukan konsep saintifik tentang penciptaan dan evolusi — yang hari ini sering dikaitkan dengan teori *Big Bang* — dengan pemahaman Kristian tentang karya keselamatan Tuhan melalui Kristus.

Menurut Teilhard, Tuhan ialah kasih. Sekitar lima belas bilion tahun lalu, Tuhan mencipta alam semesta daripada ketiadaan kerana kasih-Nya.

Namun Tuhan tidak menciptanya sebagai sesuatu yang terus sempurna dan siap sepenuhnya seperti gambaran literal dalam Kitab Kejadian.

Sebaliknya, alam semesta dicipta seperti kehidupan yang sedang bertumbuh, yang akan berkembang dan matang melalui proses yang sangat panjang selama berbilion tahun.

Dalam Kitab Kejadian, penciptaan awal

digambarkan sebagai “kekosongan yang tidak berbentuk.” Dalam perspektif evolusi pula, kewujudan manusia tidak berlaku dalam enam hari, tetapi melalui proses selama empat belas hingga lima belas bilion tahun.

Teilhard menggambarkan bahawa selepas penciptaan awal itu, Tuhan yang berada di pusat segala sesuatu terus menarik seluruh ciptaan kepada-Nya melalui kasih.

Dan sepanjang berbilion tahun, ketika ciptaan menyahut tarikan kasih itu, alam semesta semakin berkembang dalam kerumitan, kesedaran, dan kesatuan — bergerak bebas menuju Tuhan.

Beliau menjelaskan bahawa perkembangan itu melalui empat tahap utama:

Pertama, terbentuknya bumi, batu-batuan dan air — tahap yang disebut sebagai “*Geogenesis*” (tahap pembentukan bumi).

Kedua, daripada unsur-unsur itu akhirnya muncul kehidupan — “*Biogenesis*” (kemunculan kehidupan).

Ketiga, berjuta-juta tahun kemudian lahirlah manusia yang memiliki kesedaran diri dan kehendak bebas — “*Noogenesis*” (kemunculan kesedaran manusia).

Namun bagi Teilhard, proses itu belum selesai. Masih ada tahap keempat, iaitu “*Christogenesis*” — kedatangan Kristus.

Bagi beliau, kelahiran Kristus merupakan kemuncak besar dalam perjalanan evolusi, bukan sahaja dari sudut rohani tetapi juga kosmik. Sejarah evolusi akhirnya membawa manusia kepada Kristus — bukan sekadar Yesus dalam sejarah, tetapi Kristus sebagai realiti kosmik.

Dalam pandangan Teilhard, Kristus bukan hanya seorang peribadi, tetapi juga suatu pusat kosmik dalam alam semesta yang mengundang seluruh ciptaan — manusia, haiwan, tumbuhan, batu-batan dan air — menuju “*Omega Point*”, iaitu titik kesatuan terakhir dalam kesempurnaan kasih Tuhan.

Walaupun idea ini kedengaran rumit, ia sebenarnya dapat difahami dengan lebih sederhana melalui madah awal Kristian dalam Efesus 1:3–10, di mana sains dan iman bertemu secara harmoni: “*Terpujilah Tuhan dan Bapa Tuhan kita Yesus Kristus... Dalam kasih, Dia telah menentukan kita dari semula untuk menjadi anak-anak-Nya melalui Yesus Kristus... dan dalam kepenuhan waktu, menyatukan segala sesuatu di dalam Kristus, baik yang di syurga mahupun yang di bumi.*”

Sejarah keselamatan dan sejarah evolusi sebenarnya menuju kepada tujuan yang sama: bagaimana Tuhan sedang menyatukan seluruh ciptaan melalui Kristus.

Teilhard berjaya memperlihatkan bahawa sejarah kosmos dan misteri Kristus bukan dua perkara yang bertentangan, tetapi saling melengkapi.

Sains dan iman Kristian bukan musuh. Kedua-duanya boleh berjalan bersama sebagai sahabat. **Fr Ron Rolheiser @ Hakcipta Terpelihara 1999-2026**

Roh Kudus ubah ketakutan menjadi keberanian

Dalam Injil hari ini, Yesus Kristus berdoa kepada Bapa sebelum sengsara-Nya. Doa itu lahir daripada hati seorang Gembala yang mengasihi murid-murid-Nya.

Yesus tahu bahawa Dia akan meninggalkan dunia ini, namun Dia tidak membiarkan para murid berjalan sendirian.

Sebaliknya, Dia menyerahkan mereka kepada perlindungan Bapa. Di tengah ketakutan, kelemahan dan cabaran dunia, para murid tetap berada dalam perhatian kasih Tuhan.

Dalam bacaan Kisah Para Rasul pula, kita melihat para murid berkumpul bersama Santa Perawan Maria dalam doa yang tekun. Mereka belum mengetahui apa yang bakal

berlaku selepas kenaikan Tuhan ke syurga.

Namun mereka memilih untuk tetap bersatu dan menantikan janji Roh Kudus dengan penuh iman.

Gereja lahir bukan pertama-tamanya daripada kekuatan manusia, tetapi daripada hati yang berdoa dan berharap kepada Tuhan.

Kadang-kadang hidup kita juga seperti para murid itu. Ada masa kita berasa bingung tentang masa depan, letih menghadapi masalah keluarga, pekerjaan atau pelayanan.

Ada juga saat kita berasa keseorangan dalam mempertahankan iman. Namun sabda Tuhan hari ini mengingatkan bahawa kita tidak pernah ditinggalkan. Kristus sentiasa mendoakan umat-Nya dan Roh Kudus

terus bekerja dalam hati mereka yang percaya.

Dalam surat Santo Petrus, umat Kristian diajak supaya tidak malu menderita kerana Kristus.

Dunia mungkin tidak memahami nilai kasih, pengampunan dan kesetiaan kepada Injil. Kadang-kadang orang yang mahu hidup benar justeru diejek atau dipandang lemah.

Namun Petrus mengingatkan bahawa penderitaan kerana nama Kristus bukanlah kehinaan, tetapi kemuliaan. Ketika kita tetap setia dalam kesusahan, kita sedang mengambil bahagian dalam penderitaan Kristus sendiri.

Mengikuti Yesus bukan sekadar menerima sukacita dan berkat, tetapi juga berani memikul salib bersama-Nya.

Ada kalanya kesetiaan kepada Tuhan membawa air mata, penolakan dan kesunyian.

Kita mungkin berasa letih kerana terus berbuat baik tetapi tidak difahami, atau terluka kerana mempertahankan apa yang benar.

Namun dalam setiap penderitaan itu, Kristus tidak pernah membiarkan kita berjalan sendirian. Dia memahami setiap luka hati manusia kerana Dia sendiri pernah ditolak, dihina dan disalibkan.

Apabila kita tetap setia dalam kesusahan, kita sedang mengambil bahagian dalam penderitaan Kristus sendiri.

Di situlah tersembunyi rahmat yang mendalam: penderitaan yang dipersembahkan

**HARI MINGGU
PASKAH KETUJUH (A)**

**KISAH PARA RASUL 1:12-14;
1 PETRUS 4:13-16;
YOHANES 14:18**

bersama Kristus tidak menjadi sia-sia, tetapi diubah menjadi jalan menuju kehidupan baharu.

Sama seperti salib akhirnya membawa kepada kebangkitan, demikian juga kesetiaan dalam penderitaan akan melahirkan harapan, kematangan iman dan sukacita rohani yang tidak dapat diberikan oleh dunia.

Hari Minggu Paskah Ketujuh ini mengajak kita mempelajari tiga perkara penting: tetap berdoa, tetap bersatu dan tetap setia.

Doa memberi kekuatan ketika hati goyah. Kesatuan membantu kita bertahan dalam perjalanan iman. Kesetiaan pula menjadikan hidup kita saksi bahawa Kristus benar-benar hidup.

Menjelang Pentakosta, Gereja diajak membuka hati kepada Roh Kudus. Jangan takut akan kelemahan diri, kerana Tuhan tidak mencari orang yang sempurna, tetapi hati yang mahu percaya dan taat kepada-Nya.

Seperti para rasul yang dahulu lemah tetapi kemudian diubah menjadi saksi yang berani, demikian juga Tuhan mampu memperbaharui hidup kita hari ini. Semoga melalui doa, kesatuan dan kesetiaan, kita semakin dekat dengan Kristus dan menjadi tanda harapan bagi dunia. **Fr Gabriel Augustinus SJ, Lumen Fidei**



LABUAN: Dalam suasana penuh syukur dan kudus, umat Katolik di Labuan menyaksikan satu detik bersejarah apabila Gereja Blessed Sacrament yang baharu diubah suai telah dikonsekrasi secara rasmi pada April 29, 2026 oleh Uskup Agung John Wong.

Konsekrasi Gereja ini menandakan satu lembaran baharu bagi komuniti Katolik di pulau tersebut selepas proses pembinaan semula Gereja di tapak asalnya.

Gereja yang dibina dengan kos sekitar RM7.4 juta itu menjadi lambang iman, pengharapan dan kesatuan umat yang sekian lama menantikan sebuah rumah ibadat yang lebih luas dan selesa untuk perkembangan pastoral komuniti Katolik di Labuan.

Gereja Blessed Sacrament merupakan antara paroki Katolik tertua dan paling penting di Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Sejarah Gereja Katolik di pulau itu bermula sejak era misionari *Mill Hill* pada penghujung abad ke-19. Gereja Blessed Sacrament kemudiannya menjadi pusat utama kehidupan rohani umat Katolik di Labuan dan memainkan peranan penting dalam perkembangan iman di wilayah tersebut.

Malah, sebelum tertubuhnya struktur Gereja tempatan di Brunei, komuniti Katolik di negara itu juga pernah berada di bawah pelayanan pastoral paroki Blessed Sacrament Labuan.

Hubungan sejarah ini memperlihatkan betapa pentingnya peranan paroki tersebut dalam perkembangan Gereja Katolik di Borneo Utara.

Dalam homilinya, Uskup Agung John Wong mengingatkan umat bahawa Gereja bukan sekadar bangunan fizikal yang indah, tetapi tempat umat Tuhan berkumpul sebagai satu tubuh Kristus.

Prelatus itu menegaskan bahawa konsekrasi Gereja melambangkan penyerahan sepenuhnya rumah ibadat itu kepada Tuhan agar

Gereja Blessed Sacrament Labuan dikonsekrasi



menjadi tempat doa, penyembahan dan perjumpaan umat dengan kasih Tuhan.

Beliau turut mengajak umat untuk melihat gereja sebagai rumah rohani yang sentiasa terbuka kepada semua orang, terutama mereka yang letih, terluka dan mencari harapan.

Menurut beliau, sebuah gereja yang dikonsekrasi harus menjadi tanda kehadiran Tuhan di tengah masyarakat — tempat orang mengalami belas kasih, pengampunan dan damai Kristus.

Uskup Agung John juga menekankan ba-

hawa pembinaan Gereja tidak hanya berhenti pada struktur bangunan semata-mata.

Katanya, umat sendiri dipanggil menjadi “batu-batu hidup” yang membangun Gereja melalui kehidupan yang kudus, saling mengasihi dan kesediaan melayani. Beliau mengingatkan bahawa Gereja akan terus bertumbuh apabila umat hidup dalam kesatuan, rendah hati dan kesetiaan kepada Injil.

Menyentuh tentang Ekaristi, beliau menegaskan bahawa nama “*Blessed Sacrament*” sendiri mengingatkan umat bahawa Yesus ha-

dir secara nyata dalam Sakramen Mahakudus. Oleh itu, Gereja tersebut harus menjadi pusat adorasi, doa dan pembaruan rohani, di mana umat sentiasa kembali mencari kekuatan dan bimbingan Tuhan dalam kehidupan harian.

Bapa Uskup Agung juga menyeru agar generasi muda terus dilibatkan secara aktif dalam kehidupan Gereja. Menurutnya, Gereja yang indah tidak akan bermakna tanpa iman yang hidup dalam hati umat, khususnya golongan muda yang bakal meneruskan misi Gereja pada masa hadapan.

Umat kemudian menyaksikan upacara konsekrasi dilakukan mengikut tradisi Gereja Katolik, termasuk pemberkatan altar dan dinding Gereja, simbol bahawa bangunan tersebut kini dikhususkan sepenuhnya bagi kemuliaan Tuhan. Nyanyian liturgi, doa umat dan penyalaan lilin konsekrasi menambahkan lagi suasana kudus sepanjang perayaan tersebut.

Upacara konsekrasi itu turut menjadi kesempatan untuk mengenang perjalanan panjang komuniti Katolik Labuan yang selama bertahun-tahun berusaha merealisasikan pembinaan Gereja baharu tersebut.

Ramai umat melahirkan rasa syukur kerana akhirnya dapat menyaksikan impian itu menjadi kenyataan — bukan sekadar sebuah bangunan baharu, tetapi lambang iman yang terus hidup dan berkembang di tengah masyarakat.

Selepas Misa konsekrasi, acara diteruskan di dewan paroki dengan majlis persaudaraan.

Misi kasih untuk komuniti migran

KAMPAR, Perak: Gereja Sacred Heart baru-baru ini menganjurkan satu pertemuan khas bagi memperkukuh kerjasama antara komuniti paroki dan Kedutaan Republik Indonesia demi kebajikan komuniti migran Indonesia di kawasan tersebut.

Program itu menghimpunkan umat migran Indonesia bersama Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Raden Dato' Mohammad Iman Hascarya Kusumo. Fr Simon Anand selaku paderi paroki menegaskan komitmen Gereja untuk terus mendampingi komuniti migran agar mereka dapat hidup dengan lebih selamat dan bermaruah di Malaysia.

Dalam ucapannya, duta besar turut menekankan pentingnya perlindungan hak pekerja Indonesia termasuk dokumentasi yang sah, kontrak kerja dan akses kepada

bantuan kebajikan.

Program tersebut juga memberi peluang kepada para migran untuk berkongsi cabaran yang dihadapi, termasuk isu dokumen, kos perubatan dan masalah pekerjaan.

Beberapa bantuan serta khidmat nasihat turut disediakan oleh pihak kedutaan dan pegawai berkaitan.

Pertemuan itu mencerminkan semangat pelayanan dan solidariti Gereja terhadap golongan migran, selaras dengan panggilan Kristus untuk melayani sesama manusia dengan kasih dan penghormatan.

Selain sesi dialog dan perkongsian, para peserta turut diberi penerangan berkaitan prosedur dokumentasi, pembaharuan pasport serta saluran bantuan yang boleh dihubungi sekiranya berhadapan masalah pekerjaan atau kecemasan.



Suasana pertemuan berlangsung dalam semangat kekeluargaan dan persaudaraan, sekali gus memperlihatkan peranan Gereja sebagai tempat perlindungan rohani dan sokongan harian bagi komuniti migran yang jauh dari tanah air mereka.



Api Roh Kudus bernyala kembali di Kelatuan

PAPAR: Dalam dunia yang semakin mencabar kehidupan iman, Seminar Hidup Baru Dalam Roh (SHBDR) menjadi ruang rahmat yang mempertemukan umat dengan kasih Tuhan melalui doa, penyembahan dan pengalaman rohani yang memperbaharui hati.

Baru-baru ini, Komiti *Catholic Charismatic Renewal* (CCR) paroki St Joseph Papar dengan kerjasama CCR St Patrick Kinuta dan KPUK St Kenneth Kelatuan telah menganjurkan SHBDR.

Seminar ini telah menarik penyertaan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih daripada 200 orang peserta dari pelbagai ka-

wasan, mencerminkan kerinduan umat untuk memperbaharui kehidupan rohani mereka.

Program dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh paderi paroki St Joseph, Fr Paul Lo.

Sepanjang seminar, para peserta mengikuti pelbagai sesi ceramah dan perkongsian iman yang disampaikan oleh Fr Sylvester Wong, Katekis Lius Yonolon, Jika George, Gilbert dan Fred Jupilin.

Pengisian tersebut menekankan pembaharuan iman, hubungan peribadi dengan Tuhan serta peranan Roh Kudus dalam kehidupan umat Kristian.

Salah seorang peserta berkongsi bahawa beliau telah menantikan Seminar Hidup Baru Dalam Roh di kawasan tersebut selama lebih 30 tahun, dan pengalaman itu menjadi titik penting dalam pembaharuan imannya.

Secara keseluruhannya, SHBDR di Kelatuan bukan sekadar sebuah program kerohanian, tetapi menjadi satu pengalaman pertemuan peribadi dengan Tuhan yang membangkitkan kembali api iman dalam hati umat.

Selepas seminar, ramai peserta mengalami sentuhan kasih Tuhan, pembaharuan rohani serta keberanian untuk kembali hidup lebih dekat dengan Kristus. **Elisca Sanan.**

Aktiviti Hari Bumi dekatkan kanak-kanak dengan alam

PETALING JAYA: Sempena Hari Bumi, Pusat Jagaan Istimewa Nathanael telah mengadakan aktiviti berkebun sensori untuk membantu kanak-kanak berkeperluan khas mendekati alam semula jadi melalui pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan.

Program tersebut dirancang untuk memberikan pengalaman sensori yang menyenangkan dan merangsang, membolehkan kanak-kanak berinteraksi secara langsung dengan tanah, tumbuhan dan persekitaran semula jadi.

Aktiviti itu dikendalikan oleh Guna dari Bio Terra yang membimbing para peserta mempelajari teknik asas berkebun seperti menanam benih, membersihkan rumput dan memindahkan anak pokok ke kawasan tanaman. Selain membantu meningkatkan fokus dan kemahiran sensori, aktiviti tersebut turut memupuk rasa tanggungjawab serta penghargaan terhadap alam sekitar.

Program itu juga memperlihatkan bagaimana pembelajaran berasaskan alam dapat menyokong perkembangan emosi dan kemahiran praktikal kanak-kanak berkeperluan khas.



Sahabat kecil Yesus

Helo anak-anak!

Dalam Injil hari ini, kita mendengar doa Yesus kepada Bapa-Nya (Yohanes 17:1-11).

Bayangkan... sebelum Yesus kembali kepada Bapa di syurga, Dia berdoa dengan penuh kasih. Yesus tidak hanya memikirkan diri-Nya — Dia juga mendoakan para murid-Nya... dan juga kita semua!

Yesus berkata bahawa hidup kekal ialah mengenal Tuhan dan mengenal Yesus yang diutus oleh-Nya.

Ini bermaksud, hidup bersama Tuhan bukan hanya nanti di syurga, tetapi bermula sekarang — apabila kita mengenal, mengasihi, dan percaya kepada-Nya setiap hari.

Yesus juga berkata bahawa para murid adalah milik Tuhan. Begitu juga kita! Kita ini milik Tuhan. Kita sangat berharga di mata-Nya.

Dalam doa itu, Yesus meminta Bapa supaya menjaga para murid-Nya. Dia tahu dunia ini ada cabaran, tetapi Dia tidak meninggalkan kita sendirian.

Tuhan sentiasa menjaga kita, seperti seorang gembala menjaga domba-dombanya.

Yesus juga menunjukkan bahawa berdoa itu sangat penting. Bila kita berdoa, kita bercakap dengan Tuhan seperti bercakap dengan seorang sahabat yang sangat mengasihi kita.


Kita boleh berdoa bila-bila masa — di rumah, di sekolah, atau sebelum tidur. Kadang-kadang kita mungkin takut, sedih, atau marah. Pada saat itu, kita boleh ingat bahawa Yesus pernah berdoa untuk kita. Dia memahami perasaan kita dan mahu kita datang kepada-Nya.

Semoga anak-anak semua sentiasa gembira untuk datang serta berdoa kepada Yesus!


Antie Melly

MARI MEWARNA


Tuliskan nama para rasul yang sedang tekun berdoa dalam Kisah Para Rasul 1:12-14.




YO _ _ N _ S




Petrus,
Yohanes,
Yakobus,
Andreas,
Filipus,
Tomas,
Bartolomeus,
Matus,
Yakobus anak Alfeus,
Simon orang Zelot,
Yudas anak Yakobus.




___ RUS




ANDR _ _ _




B _ RT _ LOM _ US




YA _ _ B _ S anak ALFEUS




_ IL _ PUS



MA _ I _ _




Si _ _ _ orang Zelot



_ _ _ AS anak Yakobus

MARIA
BONDA
GEREJA



CARI PERKATAAN

MARI KENALI YESUS DAN PARA RASUL

Cari dan bulatkan 12 nama rasul, Yesus dan Maria yang tersembunyi dalam kotak huruf di bawah ini.

Y	O	H	A	N	E	S	X	Q	A	M
P	E	T	R	U	S	K	L	C	D	A
Y	A	K	O	B	U	S	F	G	H	R
A	N	D	R	E	A	S	J	K	L	I
F	I	L	I	P	U	S	N	O	P	A
T	O	M	A	S	R	S	T	U	V	W
S	I	M	O	N	X	Y	Z	A	B	C
Y	U	D	A	S	D	E	F	G	H	I
Y	E	S	U	S	J	K	L	M	N	O
M	A	D	I	A	P	Q	R	S	T	U
M	A	T	I	U	S	V	W	X	Y	Z
B	A	R	T	O	L	O	M	E	U	S

 PETRUS
 YOHANES
 YAKOBUS
 ANDREAS
 FILIPUS
 TOMAS

Yesus mengasihi kita!

 SIMON
 YUDAS
 MATIUS
 BARTOLOMEUS
 MARIA

SENARAI PERKATAAN









- YOHANES
- FILIPUS
- YESUS
- PETRUS
- TOMAS
- MARIA
- YAKOBUS
- SIMON
- MATIUS
- ANDREAS
- YUDAS
- BARTOLOMEUS

Aku adalah jalan, dan kebenaran, dan hidup. — Yohanes 14:6 —

MARI CARI OBJEK TERSEMBUNYI!

Yesus mengajar kita untuk berdoa.
Cari dan bulatkan semua objek tersembunyi dalam gambar di bawah!

★ OBJEK YANG PERLU DICARI ★

 BOLA
  PENCIL
  ROSARI
  SALIB
  EPAL
  BUKU
  JAM
  PEAR

BELIA



GOLONGAN MUDA DIAJAK PILIH KEBENARAN

BAFATÁ: Dengan tema “Iman, Kasih dan Harapan”, bandar Bafatá di Guinea-Bissau menjadi pusat perhimpunan belia Katolik selama tiga hari yang dipenuhi doa, sukacita dan semangat persaudaraan.

Walaupun cuaca mencecah 42 hingga 43 darjah Celsius, semangat para peserta tetap berkobar-kobar sepanjang sambutan *Interdiocesan Youth Day* kali kesembilan.

Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Uskup Bafatá, Uskup Vítor Quematcha, diikuti malam adorasi di hadapan Sakramen Mahakudus.

Pada hari berikutnya, beliau menyampaikan katekesis kepada golongan muda dan keluarga Katolik, sebelum Misa Kudus dipimpin oleh Uskup José Lampra Cá dari Bissau.

Antara detik menyentuh hati ialah lawatan para uskup dan Nunsio Apostolik, Uskup Agung Waldemar Stanislaw Sommertag, ke Pusat Penjara Bafatá.

Para banduan menerima baju bertema Jubli, cenderamata Hari Belia serta barangan kebersihan sebagai tanda solidariti dan keprihatinan Gereja terhadap mereka.

Dalam homili penutup, Uskup Quematcha menegaskan bahawa mengikuti Kristus bukan sekadar perasaan keagamaan, tetapi keputusan hidup yang menuntut keberanian memilih kebenaran dan keadilan.

Beliau turut mengingatkan bahawa Gereja dan negara memerlukan komitmen golongan muda untuk membina perdamaian dan harapan bagi masa depan Guinea-Bissau. **Media Vatikan**



Apa itu panggilan?

BAU, Sarawak: Seminar Kesedaran Panggilan telah berjaya diadakan di Gereja St Peter Damian, Kampung Seromah dengan penyertaan seramai 94 orang yang terdiri daripada golongan belia serta ibu bapa.

Program tersebut dikendalikan oleh Fr Abel Madisang, Diakon Addie Frank serta 13 seminarian dari Seminari Kolej St Peter, Kuching.

Seminar ini dianjurkan oleh Zon Seremba dari Paroki St. Stephen, Bau atas inisiatif Seminarian Freddoline Ahsiong dan Seminarian Dennis Raj yang kini menjalani latihan pastoral di kawasan tersebut.

Penganjuran seminar ini bertujuan memberi pendedahan kepada umat, khususnya golongan muda dan ibu bapa, mengenai pelbagai panggilan dalam kehidupan Kristian.

Kehadiran peserta seawal usia sembilan tahun turut memperlihatkan pentingnya kesedaran tentang panggilan Tuhan dipupuk sejak kecil lagi.

Sepanjang program berlangsung, para peserta mengikuti beberapa sesi pengisian rohani dan perkongsian iman.

Antaranya termasuk ceramah bertajuk

“Apakah itu panggilan?” yang disampaikan oleh Fr Abel. Dalam sesi tersebut, beliau menjelaskan bahawa panggilan bukan hanya terhad kepada kehidupan imamat atau religius, tetapi merupakan jemputan Tuhan kepada setiap orang untuk hidup dalam kekudusan dan melayani menurut kehendak-Nya.

Beliau turut menggalakkan para peserta, khususnya golongan muda, agar berani membuka hati, mendengar suara Tuhan dan mempercayai rancangan-Nya dalam kehidupan mereka. Fr Abel merupakan pensyarah dan bapa rohani kepada para seminarian di Seminari Kolej St Peter.

Selain itu, beberapa seminarian turut berkongsi pengalaman peribadi mereka dalam mengenal dan menyahut panggilan Tuhan.

Sesi soal jawab yang berlangsung selepas perkongsian itu membuka ruang kepada para peserta untuk mengenali dengan lebih dekat proses mengenal dan memahami panggilan Tuhan, cabaran dalam perjalanan iman serta kehidupan harian sebagai seorang seminarian yang sedang dipersiapkan untuk pelayanan imamat.

Program ini juga memperkenalkan ke-



hidupan imamat diosesan serta suasana pembentukan di seminari, sekali gus membantu peserta mengenali proses persiapan dan latihan yang dilalui oleh mereka yang terpanggil untuk melayani Gereja.

Seminar diakhiri dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr Abel.

Dalam homilinya, Diakon Addie Frank menegaskan bahawa walaupun terdapat pelbagai bentuk panggilan dalam kehidupan Kristian, setiap orang sebenarnya dipanggil terlebih dahulu kepada kekudusan hidup.

Kehadiran paderi paroki, Rev Fr Peter Liston, turut memperlihatkan sokongan beliau terhadap usaha memupuk kesedaran panggilan dalam kalangan umat. Melalui program seperti ini, diharapkan lebih ramai belia menyedari bahawa setiap insan dipanggil oleh Tuhan menurut rancangan-Nya yang tersendiri.

Semoga mereka berani membuka hati dan menyahut panggilan tersebut dengan penuh iman.

Langkah kecil tetapi perjalanan iman yang besar



PAPAR: Langkah kaki para calon Sakramen Penguatan menuju Gereja *Holy Rosary* Limbahau bukan sekadar sebuah perjalanan biasa, tetapi satu perjalanan hati untuk semakin dekat kepada Tuhan dan diperkukuhkan dalam iman.

Para calon penerima Sakramen Penguatan dari paroki St Joseph Papar telah mengadakan Ziarah Penguatan ke Gereja Holy Rosary Limbahau baru-baru ini sebagai sebahagian daripada persiapan rohani mereka menuju penerimaan sakramen tersebut.

Gereja Holy Rosary Limbahau merupakan salah satu daripada tujuh Pusat Ziarah Tujuh Sakramen di Keuskupan Agung Kota Kinabalu yang memberi penekanan khusus kepada Sakramen Penguatan.

Kehadiran para calon di pusat ziarah ini menjadi satu pengalaman iman yang bermakna, bukan sahaja sebagai lawatan rohani, tetapi juga sebagai kesempatan untuk mendalami makna kehadiran Roh Kudus dalam kehidupan seorang Kristian.

Sepanjang ziarah tersebut, para peserta mengikuti pelbagai aktiviti kerohanian termasuk doa bersama, refleksi peribadi, perkongsian iman serta penerangan mengenai kepentingan Sakramen Penguatan.

Melalui pengisian itu, mereka diajak untuk memahami bahawa Sakramen Penguatan bukan sekadar satu upacara dalam Gereja, tetapi satu panggilan untuk hidup lebih matang dalam iman dan berani menjadi saksi Kristus di tengah dunia.

Ziarah ini bukan sahaja memperbaharui hubungan rohani para calon dengan Tuhan, tetapi juga menyalakan semangat persaudaraan yang mendalam apabila mereka saling berkongsi perjalanan iman dan bertumbuh bersama sebagai Gereja yang hidup.

Ziarah Penguatan ini diharapkan menjadi titik penting dalam perjalanan rohani para calon Penguatan.

Semoga melalui bimbingan Roh Kudus, mereka mampu menjadi terang dan garam dunia, serta saksi kasih Kristus dalam keluarga, komuniti dan masyarakat.



Berita singkat antarabangsa

Suara damai dari Roma untuk Timur Tengah

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV membuat panggilan video mengejut kepada kira-kira 13 paderi Katolik dan Maronit di selatan Lubnan yang tinggal berhampiran sempadan Israel, sambil memberi kata-kata semangat dan jaminan doa di tengah ketegangan konflik yang berterusan di rantau itu.

Panggilan tersebut dilakukan semasa pertemuan dalam talian bersama Nunsio Apostolik di Lubnan, Uskup Agung Paolo Borgia.

Para paderi dari beberapa kampung di selatan Lubnan terkejut dan terharu apabila Sri Paus turut muncul dalam panggilan video itu dari Roma.

Dalam perutusannya, Sri Paus menyatakan kedekatan rohani beliau dengan komuniti Kristian yang hidup dalam kebimbangan akibat konflik dan serangan

berterusan di kawasan sempadan.

Beliau turut memberi berkat serta menyeru agar keamanan segera dipulihkan di Lubnan dan seluruh Timur Tengah.

Katanya, setiap peperangan sentiasa meninggalkan luka mendalam kepada keluarga, kanak-kanak dan mereka yang tidak berdosa.

Menurut beberapa paderi yang terlibat, kata-kata Sri Paus membawa penghiburan dan harapan kepada mereka untuk terus melayani umat di tengah suasana tidak menentu.

Ketegangan di selatan Lubnan masih berlanjutan walaupun gencatan senjata telah diumumkan, dengan beberapa serangan dan insiden keselamatan terus berlaku berhampiran sempadan Israel-Lubnan. Media Vatikan

Vietnam peringati ulang tahun pertama kepausan Leo XIV

HANOI, Vietnam: Umat Katolik di Vietnam memperingati ulang tahun pertama kepausan Sri Paus Leo XIV dengan Misa khas di Katedral St Joseph, Hanoi pada Mei 4 lalu.

Perayaan itu menghimpunkan para uskup, paderi, religius dan umat dalam doa untuk keamanan dunia serta pelayanan Sri Paus.

Misa tersebut dipimpin oleh Marek Zaleski bersama beberapa pemimpin Gereja Vietnam.

Dalam perutusan mereka, para uskup menegaskan bahawa Sri Paus dipanggil untuk menguat-

kan iman, memupuk perpaduan dan membawa damai berasaskan Injil Kristus.

Mereka turut menyatakan harapan agar Sri Paus Leo XIV suatu hari nanti dapat melawat Vietnam untuk bertemu lebih tujuh juta umat Katolik di negara itu.

Dalam homili, para pemimpin Gereja menggambarkan Sri Paus sebagai gembala yang rendah hati, dekat dengan umat dan sentiasa menyeru dunia agar menolak peperangan serta mempertahankan keamanan. LICAS News

Dua dekad Sri Paus Leo XIV di Roma difilemkan

VATIKAN: Media Vatikan menerbitkan sebuah dokumentari baharu bertajuk "Leone a Roma" yang mengisahkan hampir dua dekad kehidupan Sri Paus Leo XIV di Roma sebelum beliau dipilih sebagai pengganti Santo Petrus.

Dokumentari itu diterbitkan sempena ulang tahun pertama kepausannya dan akan disiarkan melalui platform media Vatikan.

Filem tersebut menampilkan perjalanan Sri Paus Leo XIV, yang ketika itu dikenali sebagai Robert Francis Prevost, sejak ketibaannya dari Chicago ke Roma pada tahun 1980-an

sehingga pelayanannya sebagai *Prior General Order Santo Augustine* dan kemudian *Prefect Dicastery for Bishops*.

Dokumentari itu turut memuatkan pelbagai kenangan dan kesaksian daripada sahabat, paderi, religius, keluarga serta mereka yang pernah mengenali beliau sepanjang tahun-tahunnya di Roma.

Ia juga menggambarkan Sri Paus sebagai pemimpin yang rendah hati dan dekat dengan umat.

Dokumentari itu turut menampilkan kehidupan pastoral serta perjalanan pelayanannya di Roma. Media Vatikan

Bapa Suci kenang pengorbanan wartawan dunia

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV mengenang para wartawan dan petugas media yang terkorban akibat peperangan dan keganasan sempena Hari Kebebasan Media Sedunia yang disambut pada Mei 3 lalu.

Beliau menegaskan bahawa kebebasan media masih sering dicabuli, sama ada secara terang-terangan mahupun secara tersembunyi.

Selepas doa *Regina Caeli* di Dataran Santo Petrus, Sri Paus mengajak umat mendoakan para wartawan yang kehilangan nyawa ketika menjalankan tugas demi mencari dan menyampaikan kebenaran, khususnya di kawasan

konflik.

Sri Paus menyifatkan pengorbanan mereka sebagai satu kesaksian penting terhadap nilai kebenaran dan hak masyarakat untuk menerima maklumat yang tepat.

Leo XIV turut menegaskan bahawa kewartawanan bebas dan bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam membina dialog, kepercayaan dan keamanan dalam masyarakat.

Menurutnya, dunia hari ini memerlukan media yang berani mempertahankan kebenaran, membela martabat manusia serta tidak tunduk kepada manipulasi, kebencian atau kepentingan tertentu. Media Vatikan



Biarawati pelihara keharmonian antara agama

INDIA: Sekumpulan biarawati Katolik di India terus memainkan peranan penting dalam memupuk keharmonian antara agama sambil melayani ribuan penziarah yang datang ke sebuah tempat ziarah Santa Maria yang terkenal di negara itu.

Di tengah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai agama dan budaya, para biarawati tersebut bukan sahaja mengurus pusat ziarah, tetapi turut menjadi jambatan persaudaraan dan dialog antara komuniti yang berlainan kepercayaan.

Melalui pelayanan harian mereka, ramai pengunjung — termasuk mereka yang bukan beragama Kristian — berasa diterima dengan penuh hormat dan kasih.

Tempat ziarah Maria itu terkenal kerana menarik kehadiran penziarah daripada pelbagai latar belakang agama yang datang untuk berdoa, mencari ketenangan

hati dan memohon rahmat Tuhan.

Bagi ramai orang, tempat tersebut bukan sekadar destinasi keagamaan, tetapi juga lambang keamanan dan perpaduan.

Para biarawati yang bertugas di situ melayani para peziarah melalui pelbagai bentuk bantuan, termasuk menyediakan tempat berehat, membantu orang sakit, memberikan bimbingan rohani dan menyambut setiap pengunjung tanpa membezakan agama atau bangsa.

Menurut mereka, pelayanan kasih menjadi bahasa universal yang mampu menyatukan manusia.

Walaupun terdapat perbezaan kepercayaan, kasih, belas kasihan dan penghormatan terhadap martabat manusia tetap dapat membina hubungan yang harmoni.

Mereka juga menjelaskan bahawa ramai pengunjung bukan Kristian turut menunjukkan peng-

hormatan mendalam terhadap Santa Maria.

Bagi masyarakat tempatan, Maria dilihat sebagai lambang keibuan, kelembutan dan perlindungan yang dekat dengan hati semua orang.

Dalam suasana dunia yang sering dilanda ketegangan agama dan perpecahan sosial, kehadiran para biarawati ini menjadi kesaksian bahawa dialog dan keharmonian boleh dibina melalui pelayanan harian yang sederhana.

Pelayanan mereka turut mencerminkan panggilan Gereja untuk menjadi tanda harapan dan perdamaian di tengah masyarakat.

Dengan semangat rendah hati dan keterbukaan, mereka terus melayani semua orang yang datang, sambil membawa wajah Gereja yang dekat dengan rakyat dan menghormati kepelbagaian budaya serta agama. UCA News

Media harus menjadi jambatan damai

SURABAYA, Indonesia: Seorang pemimpin Gereja di Indonesia menyeru para wartawan supaya terus mempertahankan kebenaran dan menjadi pembawa damai di tengah dunia digital yang semakin dipenuhi berita palsu, fitnah dan polarisasi masyarakat.

Seruan itu disampaikan oleh Uskup Agustinus Tri Budi Utomo semasa pertemuan bersama Persatuan Wartawan Katolik Indonesia di Surabaya, baru-baru ini. Uskup yang dikenali sebagai Uskup Didik itu menegaskan bahawa kewartawanan bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi juga satu panggilan untuk menjaga suara hati masyarakat serta memastikan cahaya kebenaran terus bersinar di tengah banjir maklumat yang mengelirukan.

Menurut beliau, media harus menjadi jambatan yang membina keamanan dan perpaduan, bukannya alat yang mencetuskan perpecahan.

Prelatus itu turut menging-



kan bahawa wartawan perlu berpegang pada integriti dan tanggungjawab sosial, terutama dalam era media sosial yang membolehkan kandungan tidak disahkan tersebar dengan pantas.

Menurut beliau, kewartawanan yang benar bukan sekadar mengejar sensasi, jumlah tontonan atau populariti, tetapi berakar pada komitmen terhadap kebenaran dan martabat manusia. Wartawan harus memastikan setiap laporan disahkan dengan baik agar tidak menjadi punca fitnah, kebencian atau perpecahan dalam masyarakat. Dalam suasana media yang sering dipenuhi provokasi dan manipulasi emosi, suara media

yang jujur dan bertanggungjawab amat diperlukan.

Kebeneran, katanya, tidak boleh diputarbelitkan demi kepentingan tertentu atau populariti semata-mata.

Pertemuan itu juga menyentuh kerjasama antara Komisi Komunikasi Sosial Persidangan Uskup Indonesia dengan Dikasteri untuk Komunikasi Vatikan berkaitan penggunaan rasmi bahasa Indonesia di Vatikan.

Inisiatif itu dilihat sebagai usaha memperkukuh komunikasi Gereja serta memperluaskan jangkauan pewartawan kepada umat berbahasa Indonesia di seluruh dunia. LICAS News

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menegaskan bahawa Gereja dipanggil untuk bersuara dengan jelas dalam menolak segala bentuk kejahatan yang merosakkan kehidupan manusia serta menghalang perkembangan martabat manusia.

Seruannya disampaikan semasa Audiensi Umum mingguan di Vatikan ketika beliau meneruskan siri katekesis mengenai dokumen Konsili Vatikan II, khususnya Konstitusi Dogmatik *Lumen Gentium* yang menyentuh tentang Gereja.

Pada kali ini, Sri Paus memberi tumpuan kepada dimensi eskatologi Gereja, iaitu panggilan Gereja yang sentiasa mengarahkan pandangan umat kepada kehidupan kekal bersama Tuhan.

Menurut beliau, Gereja sedang berjalan dalam sejarah dunia sebagai umat penziarah yang menuju tanah air surgawi.

Namun dalam kehidupan moden hari ini, manusia sering melupakan tujuan akhir tersebut kerana terlalu tenggelam dalam urusan duniawi.

Sri Paus mengingatkan bahawa harapan Kristian bukan sekadar impian tentang masa depan, tetapi keyakinan bahawa Kristus yang bangkit sedang memimpin umat-Nya menuju keselamatan.

Beliau turut menjelaskan bahawa *Lumen Gentium* mengajar bahawa seluruh umat Kristian — sama ada yang masih hidup di dunia, yang sedang dimurnikan, mahupun yang sudah menikmati kemuliaan syurga — sebenarnya membentuk satu Gereja yang bersatu dalam Kristus.

Hubungan kasih dan doa antara Gereja di dunia dan Gereja di syurga itu dikenali sebagai persekutuan para kudus.

Dalam konteks itu, Sri Paus menekankan bahawa Gereja tidak boleh berdiam diri di hadapan kejahatan. Sebaliknya, Gereja harus berani mempertahankan kehidupan, menolak budaya kematian, dan mengemam segala perkara yang menghina martabat manusia.

Beliau berkata, Kristus telah mengamanahkan tugas kepada Gereja untuk membawa manusia kepada keselamatan. Oleh sebab itu, Gereja dipanggil untuk menjadi suara kenabian yang membela kebenaran



Jangan diam terhadap kejahatan

dan harapan di tengah dunia yang sering dilukai oleh dosa, ketidakadilan dan keputusasaan.

Sri Paus juga mengajak umat agar tidak kehilangan fokus terhadap syurga di tengah kesibukan hidup harian.

Menurut beliau, kesedaran bahawa manusia sedang menuju kehidupan kekal membantu umat beriman melihat penderitaan, perjuangan dan pelayanan hidup dari perspektif yang lebih mendalam.

Merujuk kepada ajaran *Lumen Gentium*, Sri Paus mengingatkan bahawa semua orang Kristian sebenarnya membentuk satu Gereja yang bersatu dalam Kristus — termasuk mereka yang masih hidup di dunia, mereka yang sedang dimurnikan dan para kudus yang telah menikmati kemuliaan syurga.

Kesatuan rohani ini dikenali sebagai “persekutuan para kudus”, yang secara khusus dialami dalam liturgi Gereja.

Menurut beliau, kesedaran bahawa manusia sedang menuju kehidupan kekal membantu umat beriman melihat penderitaan, perjuangan dan pelayanan hidup dari perspektif yang lebih mendalam.

Harapan Kristian bukan sekadar angan-angan tentang masa depan, tetapi keyakinan bahawa Yesus yang bangkit sedang memimpin umat-Nya menuju keselamatan sejati.

Kristus yang bangkit telah membuka jalan menuju kehidupan baru, dan janji itu menjadi sumber penghiburan bagi mereka yang memikul salib setiap hari. Kesedaran ini turut mengubah cara umat beriman melayani.

Dengan merenungkan para kudus dan mereka yang telah setia berjalan bersama Tuhan, umat Kristian diajak untuk terus bertekun dalam iman sambil memandang penuh harapan kepada janji kehidupan abadi bersama Kristus. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Bagaimana mengenal suara Gembala Baik?

“Domba-domba-Ku mendengar suara-Ku; Aku mengenal mereka dan mereka mengikuti Aku.”

Dalam kehidupan harian, terdapat begitu banyak suara yang cuba mempengaruhi hati manusia — suara ketakutan, kemarahan, godaan, duniawi dan kehendak sendiri.

Namun sebagai pengikut Yesus, kita dipanggil untuk mengenali suara Gembala Baik yang membawa damai, kebenaran dan kehidupan.


Berikut 10 cara untuk mengenali suara Tuhan dalam hidup kita:

1. *Suara Tuhan membawa damai, bukan kekacauan*

Walaupun Tuhan kadang-kadang menegur, suara-Nya tetap membawa damai dan harapan. Suara yang menyebabkan hati tenggelam dalam kebencian, putus asa atau ketakutan yang melampau bukan berasal daripada Gembala Baik.

2. *Suara Tuhan selalu selaras dengan Injil*
Tuhan tidak akan bercanggah dengan firman-Nya sendiri. Jika sesuatu mendorong kita menjauhi kasih, pengampunan dan kebenaran Injil, itu bukan suara Kristus.

3. *Gembala Baik mengajak, bukan memaksa*
Tuhan menghormati kebebasan manusia. Dia memimpin dengan kasih, bukan dengan paksaan atau manipulasi.



4. *Suara Tuhan Menghasilkan Buah Roh*
Apabila kita mengikuti kehendak Tuhan, hati akan perlahan-lahan dipenuhi kasih, sukacita, kesabaran, kelembutan dan penguasaan diri.

5. *Semakin Dekat dengan Doa, Semakin Mudah Menenal Suara Tuhan*
Hubungan dengan Tuhan perlu dipupuk setiap hari. Orang yang setia berdoa akan semakin peka terhadap bimbingan Roh Kudus.

6. *Tuhan sering berbicara dalam keheningan*
Kadang-kadang Tuhan tidak berbicara melalui perkara luar biasa, tetapi melalui bisikan lembut dalam hati yang tenang.

7. *Suara Gembala Baik membawa Kita kepada kasih*
Jika sesuatu mendorong kita menjadi lebih mengasihi, mengampuni dan melayani, besar kemungkinan itu datang daripada Tuhan.

8. *Tuhan juga berbicara melalui orang lain*
Nasihat daripada ibu bapa, imam, sahabat rohani atau seseorang yang membawa kita lebih dekat kepada Tuhan boleh menjadi saluran suara-Nya.

9. *Suara Tuhan menegur dengan kasih*
Apabila kita jatuh dalam dosa, Tuhan menegur untuk memulihkan, bukan menghancurkan. Teguran Tuhan membawa pertobatan dan harapan.

10. *Menenal Gembala Baik memerlukan kesetiaan*
Seperti domba mengenali suara gembalanya kerana sentiasa bersama, demikian juga kita perlu hidup dekat dengan Kristus melalui doa, Ekaristi dan kehidupan rohani yang setia.
Semakin kita mengenali hati Yesus Kristus, semakin mudah kita membezakan suara-Nya daripada suara dunia. Gembala Baik tidak pernah menyesatkan umat-Nya. Dia sentiasa memimpin menuju kehidupan, damai dan keselamatan sejati. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Komunikasi kasih

Dalam kehidupan manusia, komunikasi bukan sekadar bercakap atau menyampaikan maklumat. Komunikasi ialah cara manusia berkongsi fikiran, perasaan, harapan, kasih dan kebenaran dengan orang lain.

Melalui komunikasi, hubungan dibina, persahabatan dipelihara, dan masyarakat dapat hidup dalam kesatuan. Tanpa komunikasi yang baik, manusia mudah hidup dalam salah faham, kesunyian dan perpecahan.

Dalam iman Katolik, komunikasi mempunyai makna yang lebih mendalam. Komunikasi Katolik bukan hanya soal menyampaikan berita Gereja atau menggunakan media sosial untuk aktiviti keagamaan.

Ini adalah panggilan untuk menyampaikan kasih Kristus kepada dunia melalui kata-kata, tindakan dan kehadiran yang penuh belas kasih.

Sejak dahulu, Gereja melihat komunikasi sebagai satu pelayanan. Yesus sendiri menjadi teladan komunikasi yang sempurna. Dia tidak hanya bercakap kepada orang ramai, tetapi mendengar, menyentuh hati, memahami penderitaan manusia dan hadir secara peribadi di tengah-tengah mereka.

Dalam Injil, Yesus sering berkomunikasi dengan penuh kelembutan, bahkan kepada mereka yang tersingkir dan berdosa. Oleh itu, komunikasi Katolik tidak boleh dipisahkan daripada martabat manusia dan kasih terhadap sesama.

Dalam era digital hari ini, komunikasi berkembang dengan sangat pantas. Media sosial, kecerdasan buatan (AI), video pendek dan teknologi digital telah mengubah cara manusia berinteraksi.

Maklumat dapat disebarkan dalam beberapa saat sahaja. Walaupun perkembangan ini membawa banyak manfaat, Gereja turut mengingatkan bahawa komunikasi moden juga mempunyai cabaran besar.

Mendiang Sri Paus Fransiskus pernah menegaskan bahawa teknologi tidak boleh menggantikan kebijaksanaan hati manusia.

Dalam mesej Hari Komunikasi Sedunia 2024, beliau mengingatkan bahawa AI mesti digunakan demi komunikasi yang lebih manusiawi, bukan untuk menghilangkan nilai kemanusiaan.

Sri Paus Leo XIV pula menekankan bahawa wajah dan suara manusia adalah sesuatu yang suci dan tidak boleh digantikan oleh teknologi. Dalam mesej Hari Komunikasi Sedunia ke-60, beliau menyeru agar dunia “memelihara suara dan wajah manusia” di tengah-tengah ledakan AI.

Hari ini, dunia memerlukan komunikator yang bukan sahaja pandai bercakap, tetapi mempunyai hati yang mendengar. Dunia memerlukan suara yang membawa pengharapan, terutama ketika manusia semakin tenggelam dalam kebisingan digital. Komunikasi Katolik mengajak manusia kembali kepada komunikasi yang berakar pada kebenaran, kasih dan martabat insan.

Semoga umat Katolik semakin menyedari bahawa komunikasi ialah satu bentuk pelayanan. Kata-kata yang baik mampu menguatkan, mendengar dengan sabar dapat menyembuhkan dan kelembutan mampu membawa damai kepada hati yang terluka.

Komunikasi penting kerana Injil ialah “Khabar Gembira” yang perlu disampaikan kepada dunia. Cara umat Katolik berkomunikasi harus mencerminkan hati Kristus — penuh kasih, kebenaran dan kelembutan.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



KENINGAU: Ribuan umat Katolik dari seluruh Keuskupan Keningau berhimpun dalam suasana penuh syukur dan kegembiraan bagi meraikan empat peristiwa penting yang berlangsung serentak: Ulang Tahun Keuskupan Keningau ke-33, Ulang Tahun Pentahbisan Bapa Uskup Datuk Cornelius Piong ke-33, Pengangkatan Gereja Bonda Maria Penolong Abadi, Mision Kemabong sebagai paroki baharu, serta pesta Kaamatan 2026 yang diraikan dengan penuh warna-warni kebudayaan.

Acara besar ini dianggap sebagai salah satu sambutan paling bersejarah dalam perjalanan Keuskupan Keningau, khususnya dengan pengisytiharan Mision Kemabong sebagai paroki ke-10, menandakan pertumbuhan pesat komuniti Katolik di kawasan pedalaman Sabah.

Seawal pagi, kawasan gereja dipenuhi umat yang hadir dengan pakaian tradisional pelbagai etnik, mencerminkan kekayaan budaya masyarakat setempat.

Persembahan tarian tradisional, muzik etnik, serta gerai komuniti menambahkan lagi kemeriahan sambutan yang turut disertai oleh para pemimpin Gereja, ketua-ketua komuniti, dan para pelawat dari luar daerah.

Pesta Kaamatan yang digabungkan dengan acara Gerejawi memberikan warna unik kepada perayaan tahun ini. Umat bukan sahaja merayakan hasil tuaian, tetapi juga "tuaian rohani" — pertumbuhan iman dan perkembangan pastoral di seluruh keuskupan.

Pengangkatan paroki baharu:

Mision Bonda Maria Penolong Abadi, yang ditubuhkan pada Mei 5, 1998, diumumkan sebagai paroki baharu.

Pengisytiharan ini disambut dengan tepukan gemuruh dan kegembiraan yang jelas terpancar pada wajah umat yang telah menantikan detik ini selama hampir tiga dekad.



Kemabong, paroki ke-10 di Keuskupan Keningau

Dengan status baharu ini, paroki Kemabong kini mempunyai struktur pentadbiran sendiri, membolehkan pelayan pastoral dijalankan dengan lebih tersusun dan dekat dengan keperluan umat setempat.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius Piong menyatakan, "Segala yang kita capai adalah rahmat Tuhan."

Prelatus itu menegaskan bahawa perjalanan 33 tahun Keuskupan Keningau bukanlah hasil usaha manusia semata-mata, tetapi karya rahmat Tuhan yang membimbing setiap langkah umat-Nya.

Katanya, pertumbuhan keuskupan adalah tanda penyertaan Tuhan. Uskup menekankan bahawa pembentukan paroki baharu bukan sekadar perkembangan fizikal, tetapi bukti bahawa iman umat semakin matang dan subur.

Bapa Uskup menambah bahawa Gereja adalah komuniti, bukan bangunan. Beliau mengingatkan bahawa kekuatan Gereja terletak pada kesatuan umat yang saling menyokong, berdoa, dan melayani.

Dalam konteks Kaamatan, "budaya adalah anugerah Tuhan yang harus dihargai, selagi Tuhan tetap menjadi pusat kehidupan," ujar Uskup Cornelius.

Ketua Keuskupan Keningau itu menyeru umat untuk memelihara keharmonian keluarga, kerana keluarga adalah "Gereja kecil" yang membentuk generasi beriman.

Penghargaan terhadap Kepimpinan Uskup Cornlius

Sambutan ini turut menjadi ruang untuk memperingati penghargaan kepada Bapa Uskup Cornelius Piong atas dedikasi beliau sejak ditahbiskan pada tahun 1993.

Di bawah kepimpinannya, Keuskupan Keningau menyaksikan pertumbuhan pesat dalam pembentukan komuniti, pembinaan Gereja, program pastoral serta penglibatan aktif umat di kawasan pedalaman.

Pada penghujung acara, diumumkan bahawa Gereja St Bede, akan menjadi tuan rumah perayaan Ulang Tahun Keuskupan ke-34 pada tahun hadapan.

Sambutan acara empat dalam satu ini bukan sahaja memperingati sejarah, tetapi juga membuka lembaran baharu bagi Keuskupan Keningau.

Dengan paroki baharu, semangat budaya yang dipelihara serta kepimpinan yang terus membimbing, umat Katolik di Sabah melangkah ke hadapan dengan penuh harapan dan keyakinan bahawa Tuhan terus menyertai perjalanan mereka.

Basilika kecil Sta Anna raya Pesta Kaamatan

BUKIT MERTAJAM: Umat Katolik dari pelbagai latar budaya dan etnik berhimpun dalam suasana penuh sukacita dan kesyukuran sempena Misa Kudus dan Fellowship Pesta Kaamatan, Gawai dan Kesyukuran 2026 peringkat Keuskupan Pulau Pinang yang berlangsung di Minor Basilika Sta Anna, pada Mei 2 lalu.

Mengangkat tema "Berakar dalam Kristus, Bersatu dalam Gereja melalui Tradisi dan Budaya", perayaan itu menjadi lambang perpaduan umat dalam kepelbagaian budaya, sambil mengekalkan Kris-

tus sebagai pusat kehidupan dan identiti Gereja.

Perayaan tersebut diserikan dengan kehadiran Kardinal Sebastian Francis yang memimpin Misa Kudus bersama umat dari pelbagai komuniti, khususnya masyarakat Sabah dan Sarawak yang menyambut Kaamatan dan Gawai sebagai tanda kesyukuran atas berkat Tuhan.

Dalam homilinya, Kardinal Sebastian menegaskan bahawa kehidupan iman perlu berakar teguh dalam Kristus agar umat mampu bertahan menghadapi cabaran

dunia moden.

Merujuk kepada bacaan daripada Kisah Para Rasul, beliau mengingatkan bahawa pewartaan Petrus selepas kebangkitan Kristus telah membuka hati banyak orang untuk bertobat dan kembali kepada Tuhan.

Uskup Pulau Pinang itu turut mengajak umat untuk benar-benar mendengar suara Kristus sebagai Gembala Baik, sebagaimana dinyatakan dalam Injil Yohanes.

Menurut beliau, Yesus bukan sekadar pemimpin yang jauh, tetapi Gembala yang

mengenal setiap umat secara peribadi dan memimpin mereka kepada kehidupan yang sejati.

Mengulas tema kesatuan Gereja, Kardinal menekankan bahawa tradisi dan budaya bukan penghalang kepada iman, tetapi boleh menjadi jambatan yang memperkayakan kehidupan Gereja apabila semuanya berpusat kepada Kristus.

Cara berdoa, bahasa tempatan, nyanyian dan adat budaya yang baik, katanya, mampu menjadi ungkapan kasih kepada Tuhan dan memperlihatkan keindahan Gereja yang pelbagai tetapi tetap satu dalam iman.

"Gereja itu satu, tetapi tidak seragam. Dalam kepelbagaian budaya dan tradisi, kita tetap dipersatukan oleh kasih Kristus," katanya lagi.

Selain Misa Kudus, sambutan turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti kebudayaan dan fellowship termasuk pertandingan pakaian tradisi terbaik, permainan rakyat, pertandingan masakan tradisional serta persembahan nyanyian dan tarian.

Perayaan tersebut bukan sahaja memperlihatkan kekayaan budaya masyarakat Borneo, tetapi juga menjadi kesempatan untuk memperkukuhkan persaudaraan dan semangat kekitaan dalam Gereja tempatan.

